

21/10/2003

Ilmu asas, tapak kecemerlangan

TAN Sri Nor Mohamed Yakcop, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, baru-baru ini dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Ekonomi oleh Universiti Tun Abdul Razak (Unitar). Berikut adalah inti ucapan penerimaan beliau pada majlis penganugerahan berkenaan.

Saya amat meminati salah satu sajak hasil karya Allahyarham Usman Awang pada 1955 bertajuk "Ke Makam Bonda". Saya ingin memetik beberapa baris sajak beliau yang begitu indah dan menyentuh perasaan:

"Dalam kenangan kami melihat,
Mesra kasih bonda menatap,
Sedang lena dalam rahap,
Dua tangan kaku berdakap.
Bibir bonda bersih lesu,
Pernah dulu mengucupi dahiku,
Kini kurasakan kasihnya lagi,
Meski jauh dibatasi bumi.
Senyum kemboja menghantar kami,
Meninggalkan makam sepi sendiri,
Damilah bonda dalam pengabdian,
Insan kerdil menghadap Tuhan.
Begitu bakti kami berikan,
Tiada sama bonda melahirkan,
Kasih bonda tiada sempadan,
Kemuncak murni kemuliaan insan."

Sebagaimana kasih ibu-bapa kepada anak, begitulah juga kasih seorang pemimpin kepada rakyat. Allah swt telah melimpahkan rahmat serta nikmat keistimewaan kepada negara kita yang tercinta.

Malaysia bukan saja dikurniakan dengan limpahan sumber semula jadi, tetapi juga diberkati dengan kemunculan barisan pemimpin ulung yang telah mengabdikan seluruh jiwa dan raga mereka agar rakyat Malaysia dapat hidup dengan selesa, aman dan sentosa.

Perdana Menteri pertama kita, Allahyarham Tunku Abdul Rahman, sanggup menjual hartanya semata-mata untuk menghidupkan perjuangan Umno. Pengganti beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, sungguhpun bergelut dengan keuzuran, terus bekerja keras, tidak mengira siang atau malam untuk memperbaiki kedudukan golongan miskin, khususnya di kawasan luar bandar.

Artikel bertajuk "Orang yang tidak mementingkan diri sendiri" hasil nukilan Dr Mahathir Mohamad yang diterbitkan dalam The New Straits Times pada 1976, menceritakan mengenai keagungan kepemimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak untuk renungan bersama:

"Tun Razak taat pada agama. Apabila diketahui kematiannya semakin hampir, beliau menerimanya dengan penuh ketenangan dan kekuatan hati sebagai seorang yang beriman.

Beliau tidak membelakangkan masyarakat untuk menghabiskan tahun-tahun akhirnya bagi memastikan tempat terbaik buat dirinya saja dalam alam selepas kematian.

Sikap mementingkan diri sendiri tidak menguasainya. Sebaliknya, beliau melipatgandakan usaha dedikasinya untuk berkhidmat kepada orang lain, kepada rakyatnya, kepada negaranya dan sudah tentu kepada agamanya.

Dedikasinya ini memberi kesan yang berat terhadap kesihatannya. Tetapi doktornya tidak dapat menghalang beliau daripada terus melakukan tugas yang dipaksakan ke atas dirinya sendiri.

Kadangkala, jelas kelihatan tanda-tanda keletihan. Tentunya beberapa kali terlintas dalam fikirannya terhadap kematian yang semakin menghampirinya. Mereka yang tahu mengenai kepastian hampirnya mati akan berasa takut terhadap dirinya yang tidak dapat melakukan apa-apa.

Akan tetapi tidak pernah sekalipun keyakinan beliau goyang. Kepada kata-kata dari kawan-kawannya, pembantu-pembantu rapatnya dan malah anggota keluarga yang terdekat mengenai keadaan kesihatannya yang semakin merosot, reaksi beliau adalah dengan menafikan dan mengetepikannya.

Beliau berkata, beliau sihat dan kemudian perkara mengenai kesihatannya dengan sendirinya berpindah kepada soal mengenai kerja dan apa yang perlu dilakukan.

Hingga akhirnya, beliau secara khusus mengambil berat soal ekonomi negara. Beliau beranggapan ia adalah tugas peribadinya untuk menunjukkan contoh yang baik. Tetapi dalam melakukan perkara ini, kesihatannya semakin merosot.

Apabila dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan perubatan di Eropah, perkara pertama yang difikirkan adalah mengenai perbelanjaannya.

Berulang kali, beliau menjelaskan beliau tidak mampu membayar dan berharap Menteri Kewangan tidak keberatan untuk menjelaskannya. Untuk menguatkan lagi alasan perbelanjaan perubatan yang tidak dijangkakan itu, beliau mengemukakan laporan penuh perubatan kepada Menteri Kewangan.

Ketika berehat selepas rawatan di London, beliau resah kerana tidak berada di dalam negara. Beliau mahu pulang kerana hendak mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar di Langkawi, Kedah dan tugas-tugas lain yang perlu disegerakan.

Bagi kita yang masih hidup, kehidupan dan kematian Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia, adalah sesuatu yang patut dikaji dengan mendalam dan direnungkan."

Allahyarham Tun Hussein Onn, cukup dikenali sebagai seorang yang jujur dan mempunyai sifat integriti yang tinggi, menyatukan pencapaian yang dibina oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak, sementara Perdana Menteri kita sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sanggup mengabdikan diri selama 22 tahun masa hidupnya untuk berbakti kepada rakyat dan negara.

Sesungguhnya, sudah menjadi takdir dan rezeki negara tercinta kita, Malaysia, untuk dipimpin oleh seorang negarawan seperti Dr Mahathir untuk tempoh 22 tahun.

Memandangkan Dr Mahathir akan bersara pada 31 Oktober, 2003, adalah kena pada masanya untuk dibuktikan serba sedikit pencapaian Dr Mahathir selama tempoh beliau memimpin negara.

Hakikatnya, terlalu banyak kejayaan yang dicapai oleh Dr Mahathir, namun pada pagi ini saya ingin memetik dua perkara saja.

Sewaktu Dr Mahathir mengambil alih tampuk pemerintahan negara sebagai Perdana Menteri pada 1981, pendapatan per kapita Malaysia hanyalah RM3,737, jauh berbeza dengan apa yang kita nikmati pada hari ini, iaitu RM13,683.

Sepanjang tempoh 22 tahun kepemimpinan Dr Mahathir, peratusan penyertaan profesional Bumiputera berbanding kaum lain dalam pelbagai bidang meningkat secara mendadak seperti berikut:

	(Peratus)	
	1980	2002
Doktor	10	39
Arkitek	11	43
Akauntan	8	18
Jurutera	19	44
Peguam	15	34
Juru ukur	32	50

Doktor veterinar 19 41
Doktor gigi 11 39

Berkat kepemimpinan keempat-empat Perdana Menteri, Malaysia muncul menjadi model kepada negara Islam dan sedang bergerak pantas menuju ke arah sebuah negara maju.

Hakikatnya, tiada negara lain di dunia ini yang dapat mencapai tahap upward mobility seperti mana yang berlaku di Malaysia dalam tempoh hanya dua generasi.

Tiada negara lain di dunia yang mempunyai begitu ramai anak petani dan anak nelayan yang berjaya bangkit dan menempatkan diri dalam golongan kelas pertengahan, kelas pertengahan atasan dan tidak kurang juga yang menjadi jutawan.

Dalam tempoh dua generasi juga, Malaysia telah mewujudkan ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang, khususnya di kalangan Bumiputera.

Saya ingin mengemukakan lima perkara untuk renungan kita bersama: dalam bidang pendidikan, pembinaan bangsa dan penjana sahsiah diri. Saya mengharapkan agar ia dapat memberi manfaat kepada graduan dalam dewan yang mulia ini sebagai dorongan dan panduan.

Perkara pertama ialah mengenai tujuan dan pengertian sebenar ilmu, pembelajaran dan pendidikan. Tidak syak lagi bahawa ruang lingkup perkara ini amat luas dan penuh dengan pelbagai disiplin, bahkan ada pelbagai rujukan dan nas, sama ada daripada sumber ukhrawi mahupun duniawi.

Pada hemat saya, ilmu pengetahuan ialah asas dan tapak kepada merealisasikan usaha kita untuk mencapai kecemerlangan bagi memperoleh kebaikan di dunia dan di akhirat.

Sering kita lupa bahawa ilmu yang dicari itu hanya satu landasan untuk mencapai suatu tujuan yang lebih suci dan hakiki, iaitu untuk mendapatkan keredaan Allah swt.

Maulana Jalaluddin Rumi, iaitu seorang pujangga Islam berbangsa Turki, yang terkenal pada abad ke-13 telah berkata:

"Ilmu pengetahuan adalah ubat, tetapi ia juga boleh menjadi racun jika disemat ke dalam jasad, sebaliknya akan menjadi penawar kepada segala penyakit jika disemat ke dalam hati".

Pengertiannya, ilmu pengetahuan akan menjadi perosak jika digunakan semata-mata untuk kepentingan diri. Sebaliknya, jika digunakan bagi tujuan kebajikan dan bukannya semata-mata untuk kepentingan diri, ia akan menjadi penawar kepada segala permasalahan yang dialami oleh dunia.

Perkara kedua: Dalam konteks apakah ilmu dan pendidikan diperlukan sebagai prasyarat untuk mencapai kejayaan? Untuk mencapai makam al-falah atau kejayaan, ilmu dan pendidikan hanyalah salah satu daripada berpuluh-puluh prasyarat.

Meskipun ilmu dan pendidikan adalah satu keperluan, namun ia tidak mencukupi sebagai resipi kejayaan. Kualiti lain juga sama penting, seperti kejujuran, ketelusan, ketekunan, keberanian dan seumpamanya yang juga sebahagian daripada prasyarat kejayaan.

Tahap dan sejauh mana kejayaan kita akan mempunyai hubungan dan kaitan secara langsung kepada keupayaan dan kebolehan kita untuk memupuk dan mengamalkan kualiti-kualiti ini.

Dalam konteks ini, saya sentiasa berpandangan bahawa kualiti yang paling utama dan paling penting ialah kejujuran. Ancaman paling besar kepada masyarakat kita hari ini ialah kita mungkin mempunyai insan yang berkemampuan, tekun bekerja, cekap dalam tindakan, berpengetahuan luas, malah berani mengharungi cabaran, tetapi malangnya insan yang sama ini juga amat cetek dan dangkal sifat kejujurannya.

Maka, prinsip kedua yang perlu kita fahami ialah ilmu dan pendidikan saja tidak mencukupi; ia perlu dilengkapi dengan kejujuran, ketelusan, ketekunan, tindakan dan sikap sanggup memikul cabaran.

Dalam hubungan ini, kejujuran adalah nilai yang paling utama yang perlu kita pupuk dan hayati.

Perkara ketiga ialah pendidikan dan pembelajaran adalah suatu usaha berterusan yang terangkum di dalamnya proses secara formal dan tidak formal.

Dari sudut lain, kita perlu menerima pendidikan formal sebagai satu perjalanan hidup yang panjang untuk meneroka kekayaan dan kebesaran ilmu Allah swt.

Bagaimanapun, pembelajaran daripada sumber yang tidak formal juga adalah sama penting. Malah Allah swt berjanji bahawa Dia akan menguji kita dengan ketakutan, kerugian, kemiskinan dan seumpamanya.

Maka, prinsip ketiga merencanakan peri pentingnya meniupkan semangat yang membara kepada diri kita untuk menuntut ilmu yang berguna dan bermanfaat. Ini adalah usaha dan ikhtiar berterusan, bermula daripada buaian hingga ke liang lahat, dan kita perlu menyedari bahawa pengajaran dan ujian itu berada di mana-mana untuk kita renungi, berfikir dan mengambil iktibar daripadanya.

Perkara keempat ialah pendidikan dan ilmu adalah elemen yang berpengaruh dan pemangkin yang kuat dalam menyamaratakan jati diri kita dalam bangsa dan sesama bangsa.

Banyak kajian menunjukkan pulangan terhadap pelaburan bagi perbelanjaan pendidikan adalah di antara yang paling tinggi, malah lebih tinggi berbanding pelaburan untuk keperluan asas seperti kesihatan dan prasarana.

Alhamdulillah, kita sungguh beruntung dan terhutang budi kepada pemimpin negara, kerana sepanjang sejarah pembangunan negara, kerajaan sentiasa memberi penekanan yang paling utama terhadap kepentingan pendidikan.

Sejarawan daripada Ibnu Khaldun kepada Edward Gibbon dan Max Weber telah membuat pemerhatian secara konsisten bahawa sesebuah masyarakat akan maju apabila ia mampu bersaing menerusi penguasaan pelbagai disiplin keilmuan yang tinggi dan apabila wujudnya dinamisme dalaman, yakni berlakunya peningkatan taraf hidup berikutan peluang sama rata, dan bukannya pilih kasih menjadi satu norma.

Maka, prinsip keempat ialah kita harus memastikan kesaksamaan dalam menggunakan pendidikan untuk meningkatkan taraf hidup kita. Sesungguhnya, pendidikan adalah alat yang paling berpengaruh dalam pembentukan sahsiah peribadi dan pembangunan negara.

Perkara kelima dan terakhir yang saya ingin berkongsi bersama ialah untuk menggabungkan keempat-empat prinsip itu dalam konteks cabaran semasa di negara kita dan di dunia amnya.

Kita kini sedang menghadapi cabaran dan kekalutan dalam kehidupan hari ini - dikepung dari pelbagai sudut sama ada pada ummahnya mahupun pada individunya.

Dalam kerangka yang besar, ummah sedang berhadapan dengan globalisasi dan hegemoni, satu empayar yang begitu berkuasa tetapi sayangnya bersandarkan nilai thaghut dan kebatilan, dan didukung dengan tonggak ketenteraan, kebudayaan, ideologi, ekonomi dan kewangan.

Pada individu dan keluarga, kita berhadapan dengan tekanan materialisme, hedonisme, fatalisme, sikap tidak peduli dan pelbagai penyakit lain. Kita harus menyematkan dalam hati kita bahawa Allah swt berjanji bahawa jika kita jujur dan yakin dengan matlamat kita, setiap penyakit ini akan dapat diubati.

Prinsip yang kelima ialah, dalam jangka panjang, pendidikan, pembelajaran, ilmu dan segala kualiti yang telah saya nyatakan sebelum ini, iaitu kejujuran, ketelusan, ketekunan, keberanian dan cekap dalam tindakan, yang menjadi prasyarat untuk mencapai kejayaan atau al-falah, juga mampu mencegah dan mengubati segala penyakit yang dihadapi umat manusia masa kini.

Akhir sekali, ketika kita berjuang untuk mencapai kejayaan dalam hidup, kita tidak harus lupa kepada mereka yang mengorbankan usia mereka untuk kita, dan telah bertungkus-lumus menempatkan kita pada landasan sedia ada, terutamanya ibu-bapa kita, guru kita, mentor dan pemimpin kita.

Mudah-mudahan kita dapat meneladani sifat terpuji mereka yang tidak mementingkan diri, begitu bermurah hati, menggalas nilai murni yang mereka wariskan kepada kita.